



Produk kayu guna teknologi nuklear

KUANTAN: Malaysia menjadi negara pertama di rantau ini menggunakan teknologi nuklear untuk meningkatkan kualiti produk kayu kayan untuk eksport, sekaligus memberi nilai tambah dan mampu bersaing dengan negara lain.

Tindakan Malaysia menggunakan teknologi nuklear dalam industri per kayu, dan kemudian diperluaskan dalam industri kimia dan perubatan itu sudah diiktiraf Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) selepas yakin dengan kemampuan dan kepakaran negara ini mengendalikan hal berkenaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis, berkata lebih 60 pakar nuklear yang ada di negara ini mampu memberi input terbaik untuk meningkatkan kualiti produk Malaysia menggunakan teknologi nuklear itu.

Beliau berkata, perkembangan ini selaras saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang meminta supaya nilai tambah dibuat terhadap produk Malaysia menerusi teknologi moden supaya mampu bersaing di peringkat dunia.

"Jika dulu, nuklear sering dikaitkan dengan perkara membimbangkan tetapi jika diuruskan dengan betul, ia boleh memberi kesan positif.

"Contohnya, 70 peratus tenaga nuklear diguna di Jepun dan Eropah untuk menjana elektrik kerana harga minyak dan arang batu semakin meningkat, selain menyebabkan karbon yang mencemarkan alam sekitar.

"Jadi, Malaysia perlu tahu menggunakan teknologi nuklear untuk menjaga kepentingan ekonomi dan bagi memastikan negara kekal pengimport kayu berkualiti dunia, kita perlu mencari kelainan menggunakan teknologi itu termasuk memastikan ia tahan ancaman musuh seperti anai-anai," katanya di sini semalam.

Pengiktirafan IAEA terhadap Malaysia mengendalikan isu nuklear itu dibuktikan apabila terpilih menjadi tuan rumah Persidangan Antarabangsa Pematangan Sinaran (ICRC) ke 11, yang diadakan di sini selama tiga hari berakhir semalam.